

17 OCT 2001

Syed Hamid-Keganasan

RUSIA SOKONG CADANGAN M'SIA ADAKAN PERSIDANGAN A/BANGSA MENGENAI KEGANASAN

Oleh: Mohd Kamel Othman

SHANGHAI, 17 Okt (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Rusia menyokong cadangan Malaysia supaya satu persidangan antarabangsa mengenai keganasan global diadakan berikutan serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas dan serangan yang diketuai Amerika Syarikat ke atas Afghanistan sekarang.

Beliau berkata pandangan Rusia itu disampaikan kepadanya oleh Menteri Luar negara itu Igor Ivavnov di sini, hari ini.

"Mereka (Rusia) berkata idea Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) supaya diadakan satu persidangan antarabangsa mengenai keganasan adalah bagus kerana ia berperanan sebagai penyelesaian jangka panjang bagi masalah itu," kata Syed Hamid kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan mesyuarat forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini.

Syed Hamid mengadakan perbincangan dengan Ivanov pada Mesyuarat Menteri-menteri APEC di sini, hari ini.

Dr Mahathir, yang akan berada di sini pada Sabtu untuk menghadiri mesyuarat Pemimpin-pemimpin APEC, mencadangkan supaya persidangan antarabangsa mengenai keganasan antarabangsa diadakan bukan sahaja untuk menangani masalah pada peringkat akar umbi malah mentakrifkan aktiviti pengganas.

Syed Hamid juga mengadakan perbincangan dua hala dengan Menteri Hal Ehwal Luar dan Perdagangan New Zealand Philip Goff dan Menteri Luar Australia Alexander Downer.

Beliau berkata Australia dan New Zealand juga bersetuju bahawa usaha-usaha perlu diambil bagi memerangi keganasan antarabangsa.

"Kami (Menteri-menteri Luar APEC) akan berbincang lebih lanjut mengenai keganasan pada mesyuarat tidak rasmi pagi esok," katanya.

Syed Hamid berkata Menteri-menteri Luar APEC telah bersetuju mengenai draf dokumen keganasan dan akan menyerahkannya kepada para pemimpin pada mesyuarat dua hari hujung minggu ini.

"Para pemimpin berkenaan akan mengeluarkan kenyataan berasingan mengenai keganasan," katanya.

Amerika Syarikat dijangka cuba menggambarkan perpaduan menentang keganasan di kalangan anggota APEC pada sidang kemuncak pertama itu sejak serangan ke atas New York dan Washington pada 11 Sept lepas.

Presiden Amerika George W. Bush sedang mendapatkan sokongan antarabangsa bagi memerangi keganasan selepas beberapa lelaki merampas pesawat yang merempuh Pusat Dagangan Dunoa di New York dan bangunan Pentagon di Wshington yang mengorbankan kira-kira 5,600 orang.

Semasa di sini, Bush dijadual mengadakan perbincangan mengenai isu keganasan dengan Dr Mahathir apabila kedua-dua pemimpin itu bertemu hujung minggu ini.

APEC dianggotai oleh Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Peru, Rusia, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam.

-- BERNAMA

MKO NM NAK